

Malaysia, Tunisia ikrar bela Islam

BH 27 MAY 1994

Oleh Faizal Fadzil 

KUALA LUMPUR, Khamis - Malaysia dan Tunisia berikrar untuk bekerjasama mengikis pandangan serong Barat terhadap Islam di samping mencari jalan menyelesaikan masalah di kalangan negara Islam.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatnya dari Tunisia, Dr Hamed Karoui menandatangani kata sepakat berhubung soal itu dalam pertemuan mereka selama 45 minit di sini hari ini.

Menteri Luar, Datuk Abdullah Ahmad Badawi, berkata pelbagai isu membabitkan hubungan dua hala dan masalah antarabangsa dibincangkan dalam pertemuan itu, termasuk soal keselamatan di Timur Tengah dan negara Islam serta pandangan se-

rong Barat terhadap Islam.

"Kedua-dua negara bersetuju mencari jalan menyelesaikan masalah yang wujud di Timur Tengah dan negara Islam serta berusaha membantu mengembalikan imej cemerlang Islam," katanya.

Dr Hamed dan rombongannya berada di negara ini selama tiga hari.

Abdullah berkata, Festival Tamadun Islam Sedunia di Kuala Lumpur 17 Jun ini adalah langkah negara Islam untuk memulihkan imej.

"Pameran itu akan dapat membuktikan kepada dunia bahawa Islam sebenarnya banyak membuat sumbangan penting dalam tamadun dunia," katanya.

Beliau juga berkata, kedua-dua pemimpin negara itu mahu men-

teri luar setiap negara Islam mengadakan pertemuan sekerap mungkin bagi mencari jalan penyelesaian.

Menurutnya, Dr Mahathir juga sempat menjelaskan kepada rakan sejawatnya itu mengenai usaha memperbaiki imej Islam.

"Antaranya Perdana Menteri menerangkan konsep Institut Kefahaman Islam Malaysia (Ikim) kepada Dr Hamed.

"Dr Mahathir menjelaskan Ikim mempunyai hubungan dengan agensi tertentu di negara bukan Islam dalam usaha mempertingkatkan kefahaman Islam, satu cara untuk memperbaiki imej Islam yang rosak sedikit ketika ini apabila musuh Islam cuba mengaitkannya dengan kegiatan ekstrim golongan tertentu," katanya.